

SOALAN NO. 152

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB NURUL IZZAH BINTI ANWAR

TARIKH : 25 MEI 2016 (RABU)

SOALAN :

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah hasil kajian kerjasama pihak kementerian bersama pihak PDRM berikutan lawatan ke NYPD untuk menggubal Akta Pendaftaran Penjenayah Seksual.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA
DAN MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang Yang Tidak Diingini 1969 (Akta 7) iaitu Akta bagi mendaftar penjenayah termasuklah jenayah seksual seperti yang termaktub dalam Jadual Pertama Akta tersebut masih berkuat kuasa. Undang-undang ini adalah memadai bagi menangani isu pendaftaran penjenayah seksual pada masa ini.

Namun demikian, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sebagai kementerian yang bertanggungjawab dalam melindungi kanak-kanak di Malaysia, telah membentangkan Rang Undang-Undang Kanak-Kanak (Pindaan) 2015 (RUUKK) dan telah diluluskan di Parlimen yang mana memperluaskan kandungan Daftar yang termasuk butir-butir orang yang disabitkan atas apa-apa kesalahan jenayah yang

melibatkan kanak-kanak sebagai mangsa yang akan dikenali sebagai Daftar Kanak-Kanak.

Penambahbaikan ini diinspirasikan daripada lawatan kerja ke New York pada September 2015 bersempena dengan United Nations General Assembly yang mana saya selaku Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah ditugaskan untuk mengetuai delegasi KPWKM untuk menghadiri Mesyuarat Pemimpin Global Mengenai Kesaksamaan Gender dan Pemeraksanaan Wanita di New York, Amerika Syarikat pada 27 September 2015. Dalam kesempatan itu, delegasi KPWKM turut mengadakan lawatan kerja pada 28 hingga 29 September 2015 ke Institusi Orang Kurang Upaya dan NYPD. Lawatan ini tidak melibatkan pihak PDRM.

Saya juga ingin menghuraikan bahawa Daftar Kanak-Kanak pada masa ini mengandungi maklumat mengenai kanak-kanak yang memerlukan perlindungan tetapi terhad kepada kanak-kanak yang diabaikan atau dianiayai sahaja. Maklumat sedia ada digunakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi melindungi kanak-kanak tersebut termasuk memberi

perkhidmatan yang bersesuaian kepada mereka seperti kaunseling dan sebagainya.

Kandungan daftar ditambah untuk mengandungi maklumat individu yang disabitkan dengan kesalahan jenayah yang melibatkan kanak-kanak sebagai mangsa. Dengan pindaan ini, bagi kes-kes jenayah contohnya kes rogol yang melibatkan mangsa kanak-kanak, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat akan menyimpan maklumat tentang mangsa dan pelaku. Maklumat mengenai pesalah ini boleh diakses dengan kelulusan Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat hanya untuk saringan bagi pihak yang berurusan atau mengendalikan kanak-kanak antaranya seperti pemandu bas/van sekolah, pengusaha kantin sekolah, tukang kebun, pengawal keselamatan sekolah, pengasuh dan pekerja pusat jagaan kanak-kanak.

Kementerian akan bekerjasama dengan pihak PDRM tentang pengurusan dan pelaksanaan Daftar ini dari semasa ke semasa.